

# PABRON DM SYRUP (KIDS)

Dextromethorphan HBr 7.5mg/5ml dan Bromhexine HCl 4.0mg/5ml

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PABRON DM SYRUP (KIDS)
2. Bagaimana PABRON DM SYRUP (KIDS) berfungsi
3. Sebelum mengambil PABRON DM SYRUP (KIDS)
4. Cara menggunakan PABRON DM SYRUP (KIDS)
5. Semasa menggunakan PABRON DM SYRUP (KIDS)
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PABRON DM SYRUP (KIDS)
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang PABRON DM SYRUP (KIDS). Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil PABRON DM SYRUP (KIDS) berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

**Apakah kegunaan PABRON DM SYRUP (KIDS)**  
PABRON DM SYRUP (KIDS) digunakan untuk melegakan simptom batuk untuk jangka masa yang pendek dan mengurangkan kelikatan kahak.

**Bagaimana PABRON DM SYRUP (KIDS) berfungsi**  
PABRON DM SYRUP (KIDS) mengandungi *Bromhexine HCl* dan *Dextromethorphan* sebagai bahan aktif.

*Bromhexine HCl* tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai ejen "*mucolytic*" dan berfungsi untuk mengurangkan kelikatan kahak anda agar lebih mudah untuk dibuang.

*Dextromethorphan* tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai '*antitussive (cough suppressant)*' dan berfungsi untuk mengurangkan batuk dengan bertindak balas melalui pusat batuk di otak.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum mengambil PABRON DM SYRUP (KIDS)

-Bila tidak boleh mengambil

Jika anda alah terhadap

- *Bromhexine*
- *Dextromethorphan*
- bahan-bahan lain di dalam formula ini

Tidak sesuai untuk '*phenylketonurics*' (penyakit genetik di mana individu tidak boleh menguraikan asid amino *phenylalanine* dengan baik di dalam badan).  
Tidak boleh digunakan oleh kanak-kanak kurang daripada 2 tahun.

-Sebelum mula mengambil

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda mempunyai ulser peptik (luka atau hakisan tisu yang terbentuk pada lapisan di dalam perut), asma (penyakit lelah), bronkitis kronik (radang pada tiub bronkus, saluran pernafasan yang membawa udara ke paru-paru), emfisema (pembesaran tidak normal saiz ruang udara di dalam paru-paru), kencing manis,

kemerosotan fungsi hati dan kesukaran bernafas.

Maklumkan kepada doktor anda jika anda hamil atau sedang menyusukan bayi. Penggunaan yang selamat semasa hamil dan menyusukan bayi masih belum dapat dipastikan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor jika anda mengambil "*drug-metabolizing enzyme inhibitor*" seperti *amiodarone*, *quinidine* yang kadang-kadang boleh menyebabkan peningkatan tekanan darah.

## Cara menggunakan PABRON DM SYRUP (KIDS)

-Berapa banyak harus digunakan

### Kanak-kanak berusia 6 hingga 12 tahun:

Ambil 5 ml selepas makan, 3-4 kali sehari atau setiap 6-8 jam .

### Kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas:

Ambil 10 ml selepas makan, 3-4 kali sehari atau setiap 6-8 jam.

Amaran (apabila digunakan untuk merawat batuk dan selesema):

1. Tidak boleh digunakan oleh kanak-kanak kurang daripada 2 tahun.
2. Untuk kanak-kanak 2 hingga 6 tahun, dapatkan nasihat doktor.

-Bila perlu digunakan

Gunakan ubat selepas makan.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil PABRON DM SYRUP (KIDS) selama yang dicadangkan oleh doktor.

# PABRON DM SYRUP (KIDS)

Dextromethorphan HBr 7.5mg/5ml dan Bromhexine HCl 4.0mg/5ml

## -Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya.

Jika ia menghampiri waktu untuk dos anda yang berikutnya, langkau dos yang tertinggal dan ambil ubat pada waktu dos yang berikutnya.

Jangan menggandakan pengambilan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan ubat ini secara berlebihan boleh menyebabkan gejala-gejala yang berikut:

Antara gejala-gejala terlebih dos yang ringan adalah kadar degupan jantung yang cepat, tekanan darah tinggi, muntah-muntah, 'mydriasis' (anak mata mengembang), 'diaphoresis' (berpeluh berlebihan), 'nystagmus' (pergerakan anak mata yang tidak dapat dikawal), 'euphoria' (perasaan yang sangat teruja), hilang keupayaan untuk mengawal pergerakan dan kerap ketawa kecil.

Gejala-gejala terlebih dos yang sederhana selain daripada yang disenaraikan di atas, termasuk berhalusinasi dan gaya berjalan yang tidak stabil dan tidak teratur.

Gejala-gejala terlebih dos yang teruk, simptom lain adalah rasa keresahan dan mengantuk.

## **Semasa menggunakan PABRON DM SYRUP (KIDS)**

### -Perkara yang perlu dilakukan

Mengambil ubat seperti yang doktor anda beritahu.

Maklumkan doktor, doktor gigi dan ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil PABRON DM SYRUP (KIDS).

Semasa rawatan, jangan mengambil apa-apa ubat anti-batuk.

## -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan minum alkohol semasa mengambil PABRON DM SYRUP (KIDS). Kesan alkohol mungkin meningkat.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan kecuali doktor anda memberitahu anda.

Jangan berikan PABRON DM SYRUP (KIDS) kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom yang sama atau keadaan seperti anda.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini boleh menyebabkan rasa mengantuk dan menjejaskan prestasi dalam ujian kewaspadaan auditori pada sesetengah orang. Jika ini berlaku, jangan memandu atau mengendalikan jentera.

Jangan ambil ubat ini untuk batuk yang berterusan atau kronik.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, PABRON DM SYRUP (KIDS) boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan, sesetengah kesan sampingan mungkin serius dan memerlukan perhatian perubatan.

Berhenti mengambil ubat jika anda mempunyai sakit kepala, pening, berpeluh, ruam kulit, sembelit, ketidakselesaan perut, muntah, loya dan gangguan gastrousus. Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan PABRON DM SYRUP (KIDS)**

### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### -Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

PABRON DM SYRUP (KIDS) adalah cecair jernih dan likat berwarna merah jambu dengan perisa campuran buah-buahan dan strawberi.

PABRON DM SYRUP (KIDS) boleh didapati dalam botol 60ml.

### -Bahan-bahan kandungan

#### -Bahan-bahan aktif:

Setiap 5 ml mengandungi 7.5 mg Dextromethorphan HBr dan 4.0 mg Bromhexine HCl.

#### -Bahan-bahan tidak aktif:

*Glycerin, Sodium Benzoate, CMC Sodium 7HOF, Color Ponceau 4R, Mixed Fruits Liquid Flavor, Purified Water, Acesulfame potassium salt, Sorbitol Solution (70% NC), Propylene Glycol, Aspartame, Trisodium Citrate Dihydrate, Strawberry Flavor, Disodium edetate dehydrate, Citric Acid Monohydrate*

### -Nombor MAL:

MAL12090003AC

# PABRON DM SYRUP (KIDS)

Dextromethorphan HBr 7.5mg/5ml dan Bromhexine HCl 4.0mg/5ml

---

**Pengilang**

OLIC (Thailand) Limited  
166 Moo 16,  
Bangpa-In Industrial Estate,  
Udomsorayuth Road,  
Bangkrason, Bangpa-in,  
Ayutthaya, Province 13160,  
Thailand.

**Pemegang Pendaftaran Produk:**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
MALAYSIA.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

-09/03/2015

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)090315/00038